

# Tugas Seorang Ketua Jabatan/ Pegawai Penyelia

## TUGAS SEORANG KETUA JABATAN/ PEGAWAI PENYELIA

Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605]



### PERATURAN 21. (1)

Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan **TATATERIB** ke atas pegawai-pegawai bawahannya dan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi apa-apa pelanggaran peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

### PERATURAN 21. (2)

Seseorang pegawai yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya, atau tidak mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah **CUAI** dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan **TATATERIB**.

#Integriti13/2023

### Tafsiran "Ketua Jabatan":

**Seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu jabatan, bahagian, unit atau cawangan sesuatu badan berkanun, dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga untuk menjalankan fungsi-fungsi seorang Ketua Jabatan bagi apa-apa tempoh masa.**